


LAMBANG NEGARA MALAYSIA



PENGENALAN

Lambang negara Malaysia, dikenali sebagai Jata Negara, mempunyai makna dan elemen yang mencerminkan identiti dan nilai negara. Ia menggabungkan pelbagai ciri dan simbol untuk menggambarkan ciri-ciri khas Malaysia, sama seperti lambang negara lain di seluruh dunia.

Jata Negara Malaysia mengikut gaya Heraldik Eropah dan terdiri daripada beberapa elemen utama:

- **Bunga Raya**

Simbol bunga kebangsaan Malaysia, digunakan dalam upacara rasmi dan melambangkan identiti negara.


- **Harimau**

Dua ekor harimau yang mewakili keberanian dan kekuatan negara.

- **Perisai**

Mengandungi elemen-elemen yang melambangkan pelbagai aspek Malaysia, seperti simbol-simbol dari negeri-negeri dan bidang yang penting dalam negara.

Setiap elemen dalam Jata Negara Malaysia mempunyai makna dan cerita tersendiri yang menyumbang kepada identiti negara, menunjukkan gabungan tradisi, budaya, dan nilai-nilai Malaysia.



KRONOLOGI DAN SEJARAH JATA NEGARA MALAYSIA

Jata Malaysia yang terkini boleh diselusuri kembali ke zaman Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada abad ke-19. Seperti jata-jata susulan, memiliki sebuah perisai, dua ekor harimau dan rentang, tetapi menggambarkan sebuah mahkota yang mewakili empat kesultanan. Reka bentuk perisai juga lebih mudah; memandangkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu hanya terdiri daripada empat negeri, perisai merangkumi pembahagian bersuku yang mewakili warna "bendera keempat-empat negeri. Moto pada rentang ditulis dengan frasa "Dipelihara Allah dan diapit dengan dua bintang berbucu lapan. Moto "Dipelihara Allah" kini menjadi (دقليهارا الله) cogan kata negeri Selangor. Jata ini kekal digunakan pada zaman Malayan Union sungguhpun .melibatkan penyertaan negeri-negeri lain di Tanah Melayu



KRONOLOGI DAN SEJARAH JATA NEGARA MALAYSIA



Jata Negara Malaysia yang digunakan sekarang sudah melalui beberapa perubahan sejak daripada awal penggunaannya seiring dengan perubahan sejarah Malaysia (Tanah Melayu) itu sendiri.



KRONOLOGI DAN SEJARAH JATA NEGARA MALAYSIA



Jata pada
tahun 1895



Jata pada
tahun 1948



Jata pada
tahun 1963



Jata pada
tahun 1965




Kini

MAKSUD JATA NEGARA MALAYSIA

- Setiap jata negara yang dipaparkan mempunyai falsafah dan membawa maksud, ciri dan nilai tersendiri bagi sesebuah negara, termasuklah Jata Negara Malaysia.
- Bintang bersama-sama anak bulan pula sebagai lambang agama islam yang diangkat sebagai agama rasmi Malaysia.
- Lima bilah keris pula sebagai lambang Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.
- Bahagian sebelah kiri perisai yang berimej pokok pinang menandakan negeri Pulau Pinang dan bahagian sebelah kanan yang berimej dengan pokok Melaka mewakili negeri Melaka. Kedua-dua buah negeri tersebut adalah sebahagian daripada Negeri-negeri Selat suatu ketika dahulu.
- Dalam empat jalur yang sama besarnya di bahagian tengah yang berwarna merah, hitam, putih dan kuning itu, warna-warna hitam dan putih mewakili warna Pahang; merah dan kuning mewakili warna Selangor; hitam, putih dan kuning mewakili warna Perak; dan merah, hitam dan kuning mewakili warna Negeri Sembilan.
- Empat buah negeri ini adalah Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang asal. Dua ekor harimau juga merupakan simbol keberanian, kegagahan dan kekuatan. Tiga bahagian di sebelah bawah itu menandakan negeri Sabah di sebelah kiri dan Sarawak di sebelah kanan.
- Di tengah-tengahnya ialah bunga raya yang merupakan Bunga Kebangsaan Malaysia.
- Cogan “Bersekutu Bertambah Mutu” ditulis dengan tulisan rumi di sebelah kiri dan tulisan jawi di sebelah kanan.
- Warna kuning pada awan-awan adalah warna Diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.



RINGKASAN MAKSUD JATA NEGARA MALAYSIA



1



LARANGAN PENGGUNAAN JATA NEGARA

Mana-mana pihak yang menggunakan atau mengubah suai Jata Persekutuan tanpa kebenaran adalah dianggap melakukan kesalahan yang boleh dikenakan denda sehingga RM20,000, penjara sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya. Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan bahawa Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2005 tentang penggunaan Jata Persekutuan telah dikaji semula untuk menetapkan tatacara penggunaan yang betul. Jata Persekutuan, yang merupakan lambang rasmi kerajaan Malaysia sejak 1952, hanya boleh digunakan oleh kementerian, jabatan, dan pegawai kerajaan Persekutuan dalam urusan rasmi. Seksyen 3(1) Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963 (Akta 414) melarang sebarang penyalahgunaan atau pengubahsuaian Jata Persekutuan tanpa kebenaran bertulis dari menteri. Kerajaan amat serius mengenai pelanggaran terhadap peraturan ini.



LAMBANG NEGARA MALAYSIA

SUMBER ;

- <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2023/06/28/jata-negara-lambang-rasmi-kerajaan-malaysia/>
- https://www.kln.gov.my/web/chl_santiago/news-from-mission/-/blogs/sejarah-bendera-malaysia
- https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/lambang_kebesaran_negara/files/downloads/lambang_kebesaran_negara.pdf



LAMBANG NEGARA MALAYSIA

SEKIAN,
TERIMA KASIH

